

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

PKP antara punca pelajar alami masalah obesiti

Kuching: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika negara dilanda pandemik COVID-19 mulai 2020, dikenal pasti antara penyumbang masalah obesiti dalam kalangan pelajar sekolah ketika ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, berkata dalam tempoh kira-kira tiga tahun, banyak aktiviti fizikal sekolah tidak dapat dijalankan.

Akibat 'terperap' di rumah, beliau berkata, ramai pelajar tidak melakukan aktiviti senaman secara aktif, sebaliknya ma-

sa lebih banyak dihabiskan dengan permainan video.

"Pada masa sama, berlaku pengambilan makanan agak berlebihan kerana kebanyakan masa dihabiskan di rumah sahaja," katanya kepada media selepas menyempurnakan Majlis 'Kick-Off' Projek Intervensi C-Hat di Sekolah Kebangsaan (SK) St Thomas, di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, perubahan demografi yang pesat dan transisi situasi pemakanan juga memberi impak besar terhadap persekitaran serta gaya

hidup rakyat Malaysia, sekali gus dikaitkan dengan peningkatan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti.

Pemakanan kurang sihat

"Hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) menunjukkan peningkatan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak berumur 13 hingga 17 tahun, naik daripada 24.6 peratus pada 2012 kepada 30.5 peratus pada 2022.

"Ini disebabkan kanak-kanak

terdedah kepada makanan segera pada harga mampu milik, dan ibu bapa yang bekerja pula tidak memantau pengambilan makanan berlebihan oleh anak-anak," katanya.

Sehubungan itu, Lukanisman berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan Inisiatif Pemerkasaan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG): Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT) bagi menangani isu obesiti di sekolah.

Sebagai kesinambungan daripada inisiatif itu, KKM juga ber-

kolaborasi dengan pihak Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) untuk melaksanakan Projek Intervensi C-HAT di sekolah.

"Projek ini berpandukan satu modul intervensi komprehensif membabitkan komponen pemakanan, aktiviti fizikal dan senaman, kesihatan minda serta psikologi yang telah dibentuk.

"Sebanyak 49 sekolah di 10 negeri dengan seramai 2,427 murid bersedia untuk memulakan projek intervensi ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

'Air zam zam tak boleh jual'

BKKM sita 83 botol air bernilai RM2,075 dalam serbuan khas di beberapa kawasan

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) mengadakan operasi serbuan khas di beberapa kawasan bagi menyasat aktiviti penjualan serta pengedaran produk didakwa sebagai air zam zam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, hasil operasi dijalankan di ibu kota pada Jumaat lalu, seorang individu didapati menjual produk air zam zam secara tidak sah di premis perniagaan persendirian.

Beliau berkata, serbuan dijalankan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Pejabat Kesihatan Cheras itu menyita 83 botol atau 41.5 liter produk air zam zam bernilai RM2,075.

"Di samping itu, satu notis kompaun dikeluarkan kepada individu terbabit dengan nilai RM3,000 disebabkan kesalahan di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985," katanya dalam kenyataan.

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mana-mana individu yang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi tidak berlesen boleh dikes-



Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan tersebut kerana air zam zam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan"

Dr Muhammad Radzi

nakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Dr Muhammad Radzi berkata, satu serbuan khas dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor turut dijalankan pada Isnin lalu di Petaling Jaya dan 10 botol (5 liter) air zam zam bernilai RM1,600 dirampas dengan satu notis kesalahan di bawah peraturan sama dikeluarkan.

Selain itu, beliau berkata, hasil aktiviti penguatkuasaan dijalankan sejak 2012 hingga kini, nilai rampasan air zam zam berjumlah RM83,618.20 dan 32 iklan berkaitan penjualan produk itu dipadamkan daripada pelbagai platform e-dagang.

Katanya, hasil pemantauan di media sosial sejak 2021 hingga kini, 63 iklan air zam zam dipadamkan daripada platform itu.

"Air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Pe-

raturan-Peraturan Makanan 1985. Pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM selepas mendapat dokumen pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

"Dalam kes ini, didapati Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan tersebut kerana air zam zam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan," katanya.

Justeru, Dr Muhammad Radzi menasihatkan orang ramai supaya tidak terpedaya dan membeli produk air zam zam di pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan, selain melarang penjualan air zam zam di semua platform sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian.

"Mana-mana peniaga atau pengedar yang mempunyai stok air zam zam tersebut diarah menghentikan serta merta penjualan dan seterusnya menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk penyitaan," katanya.

Orang ramai yang ada maklumat mengenai perkara ini diminta menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau menyalurkan aduan menerusi laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau Facebook BKKM www.facebook.com/bkk-mhq.

KKM beri vaksin Tdap cegah pertussis percuma tahun depan

Putrajaya: Semua ibu hamil di Malaysia termasuk bukan warganegara diberikan vaksin kombinasi tetanus-difteria-pertussis (Tdap) percuma, bermula tahun depan (2024).

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, berkata inisiatif baharu berkenaan membabitkan peruntukan tahunan RM25 juta meliputi anggaran 500,000 ibu hamil pada setiap tahun, bertujuan mengurangkan risikojangkitan pertussis terutama dalam kalangan bayi berumur bawah lima bulan.

Beliau dalam kenyataan berkata, pelaksanaannya bermula selepas urusan perolehan bekalan vaksin Tdap selesai dan bekalan vaksin berkenaan tersedia

di kemudahan kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM) di seluruh negara.

"Apabila dilaksanakan kelak, semua ibu hamil, termasuk bukan warganegara, diberikan satu dos vaksin Tdap ketika trimester kedua atau ketiga kehamilan (antara tempoh kehamilan 13 hingga 36 minggu) secara percuma di fasiliti kesihatan primer KKM di seluruh negara," katanya.

Menurut Dr Zaliha, pemberian vaksin Tdap kepada ibu hamil memberi perlindungan kepada bayi bermula dari dalam kandungan sehingga lahir dan melengkapkan tiga dos primer vaksin pertussis pada umur lima bulan, melalui antibodi dari tubuh ibu

yang dipindahkan kepada bayi dari dalam kandungan.

Beliau berkata, bayi berumur bawah lima bulan adalah kumpulan paling berisiko tinggi mendapatjangkitan pertussis dan mengalami komplikasi penyakit berkenaan seperti pneumonia (radang paru-paru), encephalopathy (radang otak) dan kematian.

Dr Zaliha berkata, ia berlaku kerana antibodi dalam tubuh bayi hanya mencapai tahap perlindungan optimum apabila bayi lengkap menerima tiga dos vaksin pertussis yang diberikan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan apabila berumur lima bulan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Johor mohon parkir bertingkat di HSA

Johor Bahru: Kerajaan Johor akan terus memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar tempat meletak kenderaan bertingkat dibina di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, bagi menangani isu kesesakan.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, selain isu HSA yang sudah mencapai had kapasiti dalam menampung jumlah pesakit,

masalah pelawat atau pesakit yang sukar mendapatkan tempat meletak kenderaan turut menjadi perhatian.

"Isu ini telah menyebabkan banyak pelawat dan pesakit terpaksa meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan utama di mana ia mengakibatkan keadaan lalu lintas di kawasan HSA menjadi sesak.

"Justeru, saya akan terus memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar tempat meletak kenderaan bertingkat dapat dilaksanakan di HSA," katanya.

Terdahulu, Onn Hafiz berkesempatan melawat HSA dalam lawatan Kembara Bas dari Johor Bahru ke Senai.

Menurutnya, beliau sudah mengadakan perbincangan dan mendapat persetujuan daripada pihak pemaju bagi membuka ruang serta menyediakan tempat meletak kenderaan di kawasan lapang berhampiran HSA, berhampiran dengan jejantas.

"Semoga usaha ini diberkati Allah dan membuahkan hasil demi kesejahteraan Bangsa Johor. In-sya-Allah," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LETTERS

CURBING PERTUSSIS INFECTIONS

MATERNAL VACCINE JABS CRUCIAL

ISUPPORT the Health Ministry's decision to consider including the three-in-one tetanus-diphtheria-pertussis (Tdap) vaccine in the public vaccination programme for expectant mothers, especially with the rise in pertussis (whooping cough) cases, such as in Rompin and Alor Gajah.

I am glad the ministry is taking proactive measures to enhance accessibility to preventive measures, which is crucial in reducing the risk of vaccine-preventable diseases in newborns and promoting overall child health.

Despite the global progress in reducing childhood mortality since 1990 — driven by the United Nations Sustainable Development Goals, one of which is to eliminate preventable deaths of newborns and children under 5 by 2030 — there has been a slowdown in survival gains since 2010, particularly neonatal mortality, or the death of a newborn within the first 28

days of life.

Approximately 6,400 newborns lose their lives daily and nearly 47 per cent are under age 5. In Malaysia, the neonatal mortality rate in 2021 was 4.1 per 1,000 live births, slightly higher than 2020's rate of 3.9.

There is a considerable challenge to protect infants less than three months of age who are too young to be vaccinated from infectious diseases like pertussis.

Maternal immunisation is one of the most effective solutions. It is widely practised in many developed countries and a proven method to prevent illnesses and save lives.

By receiving vaccinations during pregnancy, a mother boosts her own immunity and provides vital protection for her unborn child.

The antibodies developed in the mother's body are transmitted to the baby through the placenta, giving essential protection at the time of birth

and continuing to shield the child for several months after, until the baby receives vaccinations.

In Malaysia, maternal tetanus toxoid (TT) vaccination is included in the public programme for pregnant mothers. However, we must always remain vigilant and adapt our strategies to effectively address any emerging cases of vaccine-preventable diseases.

The World Health Organisation's Expanded Programme on Immunisation had initially reduced global pertussis cases, but the disease is now reemerging due to waning immunity and vaccine refusal or delay.

South Asia and Southeast Asia have high neonatal pertussis burdens, with cases increasing in infants under three months, leading to mortality rates of 5.6 to 14.7 per cent in the region. This vulnerable age group faces a higher likelihood of severe disease and hospitalisation.

In our country, pertussis cases have

risen in the last 20 years, with vaccine refusal rates escalating from 600 in 2013 to 1,600 in 2016. Authorities suspect higher actual incidence due to unreported cases.

The presentation of pertussis in adolescents and adults differs from infants and the diagnosis is not often made. The disease is very infectious and can have a significant impact on infants, particularly those who are too young to be vaccinated.

Up to Aug 19 this year, there have been 329 cases of pertussis, with 23 deaths reported this year nationwide. Of the reported cases, 189 (57.4 per cent) involved babies under 12 months.

A recent 12-month observation of several hospitals found that 89.3 per cent of confirmed pertussis cases occurred in infants too young to be fully vaccinated or were under-vaccinated for their age.

These statistics show that childhood illnesses like pertussis remain

far from eradicated. On-time infant vaccination to prevent vaccine-preventable infectious diseases must be emphasised and maternal immunisation is an important strategy to reduce infections like pertussis.

Multiple studies show that passive immunity from maternal immunisation has the highest impact in preventing pertussis in newborns.

Despite the potential benefits and WHO's recommendation to consider the Tdap vaccination for pregnant women, many countries in the region continue to recommend the TT vaccine. Singapore has introduced Tdap vaccination for pregnant mothers in their health programme. We should do the same.

PROFESSOR DR JAMIYAH HASSAN
Consultant Fetal Maternal Medicine,
Department of Obstetrics and
Gynaecology, Hospital Al-Sultan
Abdullah, UiTM, Shah Alam, Selangor

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

